



## "BELIA BERKEMAHIRAN TVET PENGGERAK KOMUNITI"

(15 November 2019/ 18 Rabiulawwal 1441H)

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، أَحْمَدُهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى حَمْدَ مَنْ  
يُهْدَى بِهِ إِلَى الصِّرَاطِ الْمُسْتَقِيمِ، وَأَشْكُرُهُ شُكْرَ مَنْ عَرَفَ رَبَّهُ، فَقَامَ بِعِبَادَتِهِ بِإِخْلَاصٍ  
وَتَعْظِيمٍ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ النَّبِيَّ الْكَرِيمُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ، وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا  
تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ،

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا بَتِ أَسْتَجِرُّهُ إِنَّ خَيْرَ مَنْ أَسْتَجَرْتُ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ ۝

### Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada diri saya sendiri dan menyeru kepada sidang jemaah yang dikasihi sekalian. Marilah sama-sama kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada di dalam rahmat serta mendapat

perlindungan Allah SWT demi mencari keredhaan-Nya di dunia mahu pun di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **“BELIA BERKEMAHIRAN TVET PENGGERAK KOMUNITI”**.

### **Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,**

Pembangunan sesebuah negara amat bergantung rapat dengan tenaga pekerja yang mahir dan bermutu. Sebagai umat Islam, sewajarnya kita memandang jauh kepada kepentingan ilmu dan kemahiran terhadap anak-anak bangsa kita. Mereka adalah aset dan aspirasi negara pada masa akan datang. Jangan kita menyempitkan skop pemikiran kita dengan hanya menjuruskan pendidikan anak-anak kepada ilmu teori semata-mata, manakala peluang yang ada dalam bidang kemahiran tidak diberi perhatian sehingga akhirnya kerjaya yang bersifat teknikal diisi oleh orang lain.

Marilah kita sama-sama membina generasi yang berjiwa besar, berpengetahuan luas dan berkemahiran tinggi bagi membangunkan jati diri umat Islam sekaligus membantu meningkatkan ekonomi negara, masyarakat dan keluarga. Firman Allah SWT di dalam Surah Saba` ayat 10 & 11:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا دَاوُدَ مِنَّا فَضْلًا ۖ يَجِبَالٌ ءَوتِي مَعَهُ وَالطَّيْرُ ۗ وَالنَّارُ لَهُ الْحَدِيدَ ۗ أَنِ اعْمَلْ سَبِيغَتٍ وَقَدِّرْ فِي السَّرْدِ ۗ وَاعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ۝﴾

Maksudnya: “Dan demi sesungguhnya, Kami telah memberikan kepada Nabi Daud limpah kurnia dari kami (sambil Kami berfirman): “Wahai gunung-ganang, ulang-ulangilah mengucap tasbih bersama-sama dengan Nabi Daud, dan wahai burung-burung (bertasbihlah bersama-sama dengannya)! Dan juga telah melembutkan besi baginya”. (serta kami wahyukan kepadanya): “Buatlah baju-baju besi yang luas labuh, dan sempurnakanlah jalinannya sekadar yang dikehendaki; dan kerjakanlah kamu (wahai Daud dan umatmu) amal-amal yang soleh, sesungguhnya Aku Maha Melihat akan segala yang kamu kerjakan”.

Dalam ayat di atas, Allah S.W.T telah merakamkan kisah Nabi Daud A.S. Baginda merupakan pakar dalam industri besi dan mahir dalam pembentukan dan penempatan besi. Allah SWT sendiri telah menekankan kepada hamba-hambanya perihal pentingnya aspek kemahiran pertukangan atau kimpalan.

Namun begitu, kemahiran ini tidak juga memberi sebarang erti jika nilai jati diri pekerja terhakis. Situasi ini boleh mengubahnya menjadi perosak dan pengkhianat kepada negara. Walaubagaimanapun, kemahiran itu perlu digandingkan dengan ketinggian akhlak agar pekerja benar-benar menjadi pekerja yang kuat dan beramanah. Inilah contoh keunggulan

peribadi nabi Musa AS, sepertimana firman Allah SWT dalam Surah al-Qasas, ayat 26:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ<sup>٢٦</sup>

Maksudnya: “Salah seorang anak perempuan yang berdua itu berkata; Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (menggembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah”.

Dalam Islam, kebaikan seseorang pekerja diukur dengan sejauh mana kemampuan dan integritinya dalam melaksanakan kerja serta menghasilkan kerja yang sempurna. Dalam hubungan ini, kita dapati pekerja yang baik ialah seorang yang kuat (*al-Qawiy*) dan beramanah (*al-Amin*).

### **Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,**

Lantaran itu sehingga kini kerajaan telah mengenal pasti aspek pembangunan modal insan sebagai salah satu teras strategik Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK 11) dan mengunjurkan sebanyak **35 peratus** pekerja berkemahiran tinggi menjelang tahun 2020. Tentunya, usaha ini memerlukan sokongan belia untuk menceburi bidang kemahiran.

Bidang-bidang kemahiran perlu dikuasai oleh masyarakat Islam bagi memastikan kehidupan kita akan lebih berjaya dan terkehadapan.

Sebagai kesan negatif daripada kurang berkemahiran, umat Islam kini tertinggal di belakang umat-umat lain dan dipandang rendah oleh mereka. Justeru, kita menyeru para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang belum mendapat tempat di IPT, rebutlah peluang mendaftarkan pengajian di institusi-institusi latihan kemahiran, antaranya Kolej Komuniti, Politeknik, Vokasional (TVET) dan lain-lain. Usaha ini bertujuan melahirkan individu yang berkemahiran tinggi serta berkemampuan sekaligus dapat meningkatkan taraf ekonomi keluarga, komuniti setempat dan negara. Terdapat 6 buah Kolej Komuniti dan 3 buah Politeknik di Pulau Pinang dalam pelbagai jurusan TVET bersedia menawarkan pengambilan pelajar pada Sesi Disember 2019 ini.

### **Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,**

Allah SWT menjadikan manusia dengan pelbagai kebolehan dan kemampuan yang berbeza-beza. Namun semua manusia memiliki peluang yang sama untuk berjaya di dalam kehidupan. Ada dalam kalangan anak-anak remaja ini yang mungkin lebih cenderung untuk memohon pendidikan TVET. Sektor guna tenaga masa kini menekankan kepada kemahiran dan peluang kerjaya bagi memenuhi keperluan

industri serta keperluan kegiatan ekonomi di negeri Pulau Pinang khususnya. **Mereka boleh terus diambil bekerja sebaik tamat pengajian** kerana mereka telah mengikuti latihan kemahiran TVET semasa pengajian berbanding lulusan yang hanya ada kelayakan akademik semata-mata.

### **Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,**

Apa yang membimbangkan kita pada era materialistik ini adalah ketandusan rohani segelintir pekerja yang ingin mengaut sebanyak mungkin kekayaan tanpa mempedulikan punca dan sumbernya. Ingatlah, pekerjaan atau sumber rezeki yang haram dan syubhah tidak akan diterima oleh Allah SWT di akhirat nanti. Justeru, setiap pekerja perlu memastikan jasmani dan rohaninya seimbang melalui penguasaan ilmu dan kemahiran yang membolehkan pelbagai manfaat dinikmati.

### **Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita memberi perhatian kepada beberapa perkara berikut:

**Pertama:** Pekerja berkemahiran adalah tulang belakang pembangunan sesebuah negara yang memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara.

**Kedua:** Sifat kuat (*al-Qawiy*) dan amanah (*al-Amin*) yang di terapkan dalam diri pekerja akan menghasilkan pekerja yang memiliki nilai akhlak dan integriti yang tinggi.

**Ketiga:** Allah SWT menyukai hamba-Nya yang bekerja serta membuka pintu keberkatan rezeki mereka jika mereka menjauhi pekerjaan yang haram dan syubhah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ أَجْرُهُ عِنْدَ رَبِّهِ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ  
يَحْزَنُونَ ۝۱۱۲

Maksudnya: “(Tidak demikian) bahkan barang siapa yang menyerahkan diri kepada Allah, sedang ia berbuat kebajikan, maka baginya pahala pada sisi tuhannya dan tidak ada kekhuatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati”. (Surah al-Baqarah, ayat 112)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ آيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ  
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## خطبة كدوا

(Bulan November 2019)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَهْدِيهِ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْإِخْوَةُ الْمُؤْمِنُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Saya berpesan kepada tuan-tuan dan diri saya sendiri supaya bertakwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya berbahagialah orang yang bertakwa kepada Allah. Di samping itu, sebagai tanda mensyukuri segala nikmat Allah yang dikurniakan kepada kita, marilah kita mencontohi akhlak nabi SAW dan para sahabat sehingga mereka digelar jutawan

akhirat. Caranya ialah dengan memperbanyakkan sumbangan harta yang kita sayangi ke jalan Allah iaitu dengan melakukan amalan **waqaf**.

Waqaf dari segi syarak ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewaqaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewaqaf kepada Allah.

Di negara kita, amalan berwaqaf telah lama diamalkan oleh generasi yang terdahulu. Mereka telah berjaya mewaqafkan harta melalui pembinaan masjid-masjid, sekolah-sekolah, pondok-pondok pengajian dan rumah-rumah anak yatim. Berwaqaf adalah amalan mulia yang dapat melahirkan perasaan kasih sayang, menyemarakkan semangat saling bantu-membantu antara satu sama lain. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 92:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ۝٩٢

Maksudnya: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”.

## **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Di negeri kita khususnya, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah menyediakan satu alternatif kepada pelaksanaan ibadah waqaf yang berkonsepkan wakalah melalui dana waqaf Pulau Pinang. Sama ada melalui potongan gaji bulanan atau pembayaran secara atas talian. Wakalah bermaksud para penyumbang mewakili kepada Majlis Agama Islam untuk mewakafkan mana-mana harta kekal dengan niat kerana Allah Taala. Ini merupakan satu usaha untuk menggembeling kerjasama ummah untuk bersama-sama melaksanakan ibadah waqaf walau pada tahap manapun kemampuan ekonomi seseorang.

Institusi masjid juga dapat berperanan memperkasakan ibadah waqaf ini dengan menyumbangkan misalnya 10% hasil dari kutipan Jumaat kepada pihak Majlis Agama Islam pada setiap bulan. Secara tidak langsung jemaah yang menghulurkan derma setiap kali solat Jumaat, akan berkongsi saham waqaf yang berkekalan manfaatnya hingga ke hari akhirat.

Diriwayatkan dari Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ:  
صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Yang bermaksud: “Apabila seorang hamba meninggal dunia, maka terputuslah darinya amalnya kecuali dari Tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang diambil manfaatnya, anak soleh yang mendoakannya”.  
(Hadis Riwayat Muslim)

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Pada saat yang penuh barakah ini marilah kita berselawat ke atas nabi Muhammad SAW yang membawa petunjuk dan rahmat kepada kita sekalian sepertimana perintah Allah dalam surah al-Ahzab, ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

“Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat kepada nabi (Muhammad SAW) wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya”.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ. كَمَا صَلَّيْتَ  
وَسَلَّمْتَ وَبَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ .  
اللَّهُمَّ أَرِنَا الْحَقَّ حَقًّا وَارْزُقْنَا التَّبَاعَةَ وَأَرِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا وَارْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ، بِرَحْمَتِكَ يَا  
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَيَّ مَلِكِنَا، كباوه دولي يغب ما موليا  
سري فادوك باكيندا يغب دفتوان اكوغ ك-انم بلس، السلطان عبدا الله رعاية الدين  
المصطفى بالله شاه ابن المرحوم سلطان حاج أحمد شاه المستعين بالله، وكذلك  
مولانا توان يغب تراوتاما تون داتوء سري اوتاما دكتور حاج عبد الرحمن بن حاج  
عباس يغب دفتوا نكري فولاو فينغ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ . فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا عَلَيَّ  
نَعْمَهُ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .